

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

TARIKH : 11.06.2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta PERDANA MENTERI menyatakan hasil siasatan SPRM terhadap dakwaan rasuah yang berlaku dalam kegiatan penyelewengan minyak/diesel bersubsidi.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

SPRM hanya menyiasat kes penyelewengan dan penyeludupan minyak/diesel bersubsidi berasaskan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009. Sejak 2009 hingga April 2014, sebanyak 176 tangkapan telah dilakukan terhadap mereka yang terlibat dalam perbuatan rasuah dalam kegiatan penyelewengan dan penyeludupan diesel bersubsidi ini.

Sekian, terima kasih.